



**BARISAN MPP baru UMS bergambar selepas keputusan pemilihan MPP diumumkan.**

# Pro-Aspirasi UMS menang bergaya

UB 21-10-16 A2

**KOTAKINABALU:** Barisan Pro-Aspirasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi berjaya mempertahankan barisan kepimpinan mereka dalam Majlis Pemilihan Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2016/2017 yang berlangsung kelmarin.

Dalam pemilihan itu, barisan Pro-Aspirasi UMS telah berjaya memenangi 28 kerusi dan Pro-Mahasiswa pulah yang memenangi empat kerusi yang dipertandingkan.

Untuk tujuan itu, pembentukan kabinet dan penyampaian watakah pelantikan barisan MPP baharu dilangsungkan kelmarin yang disempurnakan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Bagi pihak pengurusan UMS, Harun mengharapkan agar barisan MPP yang baharu itu akan menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi dan berintegriti selaras dengan misi dan visi Kementerian

Pendidikan Tinggi untuk melahirkan mahasiswa yang berketrampilan dan holistik serta berjiwa Malaysia.

Beliau yang mewakili semua pihak pengurusan UMS turut mengucapkan tahniah kepada semua calon yang bertanding dan barisan baharu MPP UMS sesi 2016/2017 serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UMS pada sesi ini.

Sementara itu, Prof Madya Dr Ismail Ali selaku Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni UMS menyatakan kemenangan besar barisan Pro-Aspirasi itu merupakan satu indikator atau petunjuk bahawa para mahasiswa UMS sentiasa berdiri teguh di belakang pihak pengurusan UMS dan barisan kepimpinan pelajar kerana sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para mahasiswa UMS.

Menurut beliau kemenangan barisan Pro-

Aspirasi adalah satu cerminan bahawa para mahasiswa UMS mempunyai rasa tanggungjawab dan jatidiri yang tinggi kepada bangsa, agama dan negara.

“Ini sekaligus memperlihatkan bahawa mahasiswa UMS tidak mudah terpengaruh dengan ideologi-ideologi tertentu yang bertentangan dengan tujuan sebenar mereka berada di universiti,” katanya.

Ismail berkata pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) itu adalah satu platform yang cukup penting kepada para mahasiswa untuk mempertingkatkan dan menyerlahkan lagi daya kepimpinan mereka.

Selain itu, kewujudan MPP juga penting kerana bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan di antara pihak pengurusan universiti dengan para mahasiswa dalam memastikan hal-ehwal kemahasiswaan dapat ditangani dengan sebaik yang mungkin.